

Abdul Wahab dilantik Setiausaha Politik MB Kedah

BH 17 FEB 2000

KULIM, Rabu – Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini mengumumkan pelantikan Naib Ketua Pemuda Umno negeri, Abdul Wahab Din sebagai Setiausaha Politikanya, berkuatkuasa hari ini.

Abdul Wahab juga menduduki kerusi Exco Pemuda Umno pusat dan Ketua Pemuda Umno Bahagian Baling.

Syed Razak turut memaklumkan bekas Penolong Pengarang Berita Bernama, Khairdzir Mohd Yunus akan menyandang jawatan sebagai Setiausaha Akhbar kepada beliau.

Beliau juga mengumumkan senarai jawatan yang akan diisi beberapa pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) negeri yang turut memperoleh persetujuan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Exco Pelancongan, Osman Aji akan memenuhi kerusi Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, manakala jawatan Bendahari Umno negeri akan disandang ahli jawatankuasa Umno Bahagian Pokok Sena, Dr Abdul Ghani Shafie yang juga bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia.

“Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin pula akan menduduki kerusi Ketua Penerangan Umno negeri,” katanya mempengerusikan Mesyuarat Exco Kedah di pejabat daerah Kulim di sini, hari ini.

Mengenai jawatan dalam BN pula, katanya, Ketua Umno Bahagian Pokok Sena yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Bukit Lada, Ahmad Lebai Sudin dipertanggungjawabkan sebagai Setiausaha BN negeri.